

UMS ambil pelajar sulung Perubatan

Selasa 18 Mac 2003

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menyediakan 30 tempat untuk kumpulan pertama pelajar Program Perubatan peringkat ijazah pertama bagi Sesi Akademik 2003/2004, Jun ini.

Penolong Pendaftar (Perhubungan Awam) UMS, Mohd Farish Husain, berkata universiti itu menyediakan 4,400 tempat untuk program ijazah pertama, meningkat 1,350 tempat berbanding 3,050 tempat sesi lalu.

Katanya, pelajar Program Perubatan ditempatkan di Sekolah Perubatan iaitu sekolah baru yang ditubuhkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu, selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan, tahun lalu.

Katanya, penubuhan sekolah itu menjadikan 12 sekolah kesemuanya, masing-masing 10 di kampus induk Teluk Likas, Kota Kinabalu dan dua di Kampus Antarabangsa Labuan.

"Pertambahan pelajar selaras dengan perancangan kami untuk menawarkan 17,500 tempat bagi pelajar ijazah pertama pada 2010.

"UMS ketika ini sudah menawarkan 53 disiplin ilmu termasuk sains dan teknologi, perubatan, kejuruteraan, pengajian seni, sains sosial, kewangan antarabangsa dan teknologi maklumat," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kota Kinabalu.



UMS
MALAYSIA SABAH